

DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA

MALAYSIA

Penggal Yang Kelima

Atoran Urusan Meshuarat

Hari Juma'at, 13hb Disember, 1963 pukul 9.30 pagi

No.20

63

PERTANYAAN2 BAGI JAWAB MULUT

- *1. Enche' Chan Yoon Onn bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan sudah memutuskan hendak memberi gaji kapada pekerja2 wanita sama dengan gaji pegawai laki2 dalam Perkhidmatan Kerajaan, dan jika sudah, apa langkah2 yang telah di-ambil untok melaksanakan-nya.
- *2. Enche' Chan Yoon Onn bertanya kapada Perdana Menteri apa bahasa yang di-gunakan dalam semua Perjanjian2 yang di-buat di-antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan negeri2 lain.
- *3. Enche' Tan Phock Kin bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama apa langkah, sa-lain daripada memberi pinjaman kapada sa-kumpulan nelayan2 yang telah meluluskan undi tidak perchaya kapada-nya, yang hendak di-ambil oleh Kerajaan berkenaan dengan bangkangan2 nelayan ka-atas chara menangkap ikan dengan menggunakan pukot tarek.
- *4. Enche' K. Karam Singh bertanya kapada Menteri Pertahanan ada-kah senjata nuclear termasuk dalam pasokan2 askar negeri asing dalam negeri2 Malaysia.
- *5. Enche' K. Karam Singh bertanya kapada Menteri Pertahanan apa-kah jenis senjata yang besar sa-kali dalam Tentera Persekutuan dan sebutkan nama senjata2 itu.
- *6. Enche' K. Karam Singh bertanya kapada Menteri Pertahanan ada-kah Kerajaan berchadang hendak melepaskan pasokan2 tentera negeri asing dengan melateh, mengalatkan dan membesarkan Pasokan2 Bersenjata Malaysia.
- *7. Enche' V. David bertanya kapada Menteri Keselamatan Dalam Negeri ada-kah ia akan menimbangkan di-bebaskan Enche' Ahmad Boestamam, Ahli bagi Setapak, oleh kerana Malaysia telah pun di-tubuhkan.
- *8. Enche' V. Veerappen bertanya kapada Menteri Keselamatan Dalam Negeri apa langkah2, jika ada, yang di-ambil oleh Kerajaan bagi menolong orang2 yang di-hadkan tempat kediaman-nya bagi menchari kehidupan dan dengan jalan ini memulehkan diri sendiri dan menjadi ahli2 kaum yang berguna di-antara orang2 di-tempat yang di-hadkan kediaman-nya.
- *9. Enche' V. Veerappen bertanya kapada Menteri Keselamatan Dalam Negeri ada-kah Menteri itu akan menimbangkan di-tambah chatuan makanan atau banyak-nya dan jenis makanan yang di-beri kapada orang2 tahanan siasah yang sekarang di-buat saperti orang salah.
- *10. Enche' V. Veerappen bertanya kapada Menteri Keselamatan Dalam Negeri mengapa chadangan hendak mendirikan rumah2 polis di-Nibong Tebal telah di-batalkan.

ATORAN URUSAN MESHUARAT DAN PEMBERITAHU2 USUL

1. Rang Undang2 Perbekalan Tambahan (No. 4) - Membahathkan lagi dalam Jawatan-Kuasa Perbekalan.

- | | | |
|--|-----|------------------------|
| 2. Rang Undang2 Penchon Kerabat2 Raja (Pindaan) | ... | Bachaa Kali Yang Kedua |
| 3. Rang Undang2 (Gaji) Menteri2 (Pindaan) | ... | " |
| 4. Rang Undang2 (Gaji) Ahli2) Parlimen (Pindaan) | ... | " |
| 5. Rang Undang2 Kesalahan2 Pilehan Raya (Pindaan) | ... | " |
| 6. Rang Undang2 Mahkamah2 Pengadilan | ... | " |
| 7. Rang Undang2 Peguam2 dan Loyar2 (Pindaan) | ... | " |
| 8. Rang Undang2 Pihak Yang Berkuasa Tempatan
(Sharat2 Perkhidmatan) | ... | " |
| 9. Rang Undang2 Majlis Bandaran, Daerah dan Luar
Bandar (Lantekan) | ... | " |
| 10. Rang Undang2 Insuran (Pindaan) | ... | " |
| 11. Rang Undang2 Lembaga Penasihat Chukai (Pindaan) | .. | " |
| 12. Rang Undang2 Bil Perbendaharaan (Melanjutkan
lagi) | ... | " |
| 13. Rang Undang2 Lalu Lintas Jalan Raya (Pindaan) | ... | " |
| 14. Rang Undang2 Perikanan (Pindaan) | ... | " |
| 15. Rang Undang2 Rachun (Pindaan) | ... | " |
| 16. Rang Undang2 Kumpulan Wang Perusahaan
(Menanam Sa-mula) Getah (Pindaan) | ... | " |

17. Membahathkan lagi Anggaran Belanja (Tambahan) Pembangunan (No.3) tahun 1963 (Cmd. 45 tahun 1963) dalam Jawatan Kuasa sa-buah2 Majlis (llhb Disember, 1963).

18. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu sa-jumlah wang tidak lebeh daripada \$721,587,720 hendak-lah di-keluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1964 dan bagi maksud menepati tujuan2 Kepala dan Pechahan Kepala yang di-terangkan dalam ruangan yang kedua dalam Kenyataan yang terbentang di-atas Meja Meshuarat sa-bagai Kertas Titah No. 46 tahun 1963, hendak-lah di-untokkan jumlah wang di-sebutkan bertentangan dengan Kepala dan Pechahan Kepala yang terscut dalam ruangan yang kesembilan dan kesa-puluh berkenaan dengan Kepala 100-153 dan ruangan kelapan dan kesembilan berkenaan dengan Kepala 155-210.

19. Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani akan menchadangkan:

Bahawa Dewan ini mengutok Kerajaan Pusat yang telah menyalah-gunakan kuasa Undang2 Keselamatan Dalam Negeri bagi menangkap dan menahan sa-orang ulama baharu2 ini di-Kelantan dan menuntut supaya dia di-lepaskan dan perbuatan menahan mana2 ulama Islam kerana pendapat ugama-nya itu tidak lagi di-lakukan.

20. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad akan menchadangkan:

Bahawa Kerajaan hendak-lah mengadakan sa-buah Undang2 bagi menubuhkan Majlis Kebudayaan Negara.

21. Enche' V. David akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini meminta kapada Kerajaan menggantikan Undang2 Ibu Kota Persekutuan dengan sa-buah Majlis Municipal bagi Kuala Lumpur yang di-pileh semua sa-kali Ahli2-nya dalam Pilehan Raya.

22. Enche' Lim Huan Boon akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengutok perbuatan Kerajaan Pusat menyalah-gunakan kuasa2-nya mengikut Rang Undang2 Keselamatan Dalam Negeri, kerana baharu2 ini telah melakukan tangkapan dan tahanan terhadap ketua2 parti politik dan ketua2 Kesatuan Sa-kerja, dan menuntut supaya mereka di-bebaskan dengan serta-merta dengan tiada bersyarat atau di-bicharakan dalam Mahkamah Undang2.